

'1Melayu reaksi pemerksaan kuasa Cina'
Malaysiakini.com
Apr 27, 2011

Mantan Menteri Besar Selangor, Dr Mohd Khir Toyo berpendapat cadangan pergerakan 1Melayu 1Bumiputera adalah reaksi semulajadi oleh orang Melayu terhadap pemerksaan kuasa politik Cina.

Bagi orang Melayu sendiri corak pengundian kaum Cina dan dasar DAP yang dilihat anti segala-galanya yang membabitkan kepentingan bumiputera dan agama Islam merupakan satu petunjuk jelas bahawa sudah wujud gelombang mahu memperkasakan kuasa kaum Cina dalam politik setelah mereka menguasai ekonomi," tulisnya di blognya.

Khir memberikan contoh bagaimana orang Melayu dan bumiputera, melihat sokongan kaum Cina kepada Pakatan khususnya pada pilihan raya negeri Sarawak pada 16 April lalu sebagai sokongan kepada pemerksaan kuasa politik Cina melalui DAP.

Dakwanya tindakan itu bagi menghakis dan seterusnya menghapuskan apa-apa sahaja keitimewaan bumiputera seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Malaysia.

Justeru apakah mahu dipersalahkan penulis Melayu dan orang Melayu jika ada yang menganjurkan slogan 1 Melayu 1 Bumiputera sebagai jawapan kepada pengundian bercorak perkauman sebahagian besar kaum Cina hari ini?" katanya.

Khir berkata apabila orang Melayu membicarakan soal hak pribumi maka ia dianggap sebagai perkauman, tetapi apabila kaum Cina bercakap soal sekolah Cina, bahasa Cina dan ekonomi - kaum Cina tidak dianggap perkauman.

Bahasa Melayu

"Mengapa apabila ditubuhkan PERKASA maka ia dianggap pertubuhan perkauman, namun ratusan pertubuhan lain yang bersandar dan bertunggakkan kepentingan kaum Cina tidak dianggap perkauman oleh akhbar-akhbar yang dikuasai oleh kaum Cina?"

"Apakah bukan satu sikap perkauman apabila ada kaum Cina yang menggesa dan mendesak bahasa Melayu dijenamakan semula sebagai bahasa Malaysia?"

"Kononnya, nama bahasa Melayu bersifat perkauman dan menyebabkan mereka merasa tidak selesa dan serasi untuk belajar dan bercakap. Mungkin suatu hari nanti apa sahaja ikon kebangsaan yang ada nama Melayu mahu dihapuskan atas alasan tidak mencerminkan konsep 1 Malaysia," katanya.

Menurut Dr Khir sama ada slogan 1 Melayu 1 Bumiputera yang dicadangkan oleh Timbalan Ketua Pengarang Utusan Malaysia, Datuk Zaini Hassan itu berbentuk perkauman adalah bergantung kepada pelaksanaan, tuntutan dan kehendak gerakan tersebut.

"Jika gerakan ini bertujuan menyatupadukan orang kaum Bumiputera demi menjaga kepentingan bumiputera dan Islam, maka ia tidak harus dianggap agenda perkauman. Ia harus dianggap sebagai satu perjuangan yang sah dan mulia.

1Malaysia

"Namun jika ia bertujuan menyatukan kaum bumiputera bagi tujuan menindas dan menghancurkan kaum Cina maka konsep ini harus dianggap perkauman dan ditentang sehabisnya. Saya sendiri tidak akan bersetuju dengan sebarang konsep menindas dan menghancurkan kedudukan kaum lain," katanya.

Menurut beliau lagi, ramai juga yang tertanya-tanya apakah kumpulan-kumpulan NGO yang sering menggunakan konsep 1 Malaysia untuk mendesak penghakisan hak-hak bumiputera bukan merupakan

satu tindakan perkauman?

"Mengapa orang Melayu sering dianggap perkauman bila bercakap soal penyatuan Melayu sedangkan kaum lain boleh sahaja bercakap soal penyatuan mereka tanpa bantahan orang Melayu?" akhirnya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
<http://www.malysiakini.com/news/162597>